

USUL TAFSIR oleh Mustaffa Abdullah. 2016. Jabatan Al-Quran dan al-hadith Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya: Kuala Lumpur. Halaman: 214. ISBN 978-967-5534-24-9.

Penulis buku ini iaitu Professor Madya Dr Mustaffa bin Abdullah merupakan professor madya di Jabatan al-Quran dan al-Hadith Akademi Pengajian Universiti Malaya. Penulis merupakan pakar dalam bidang tafsir al-Quran serta melakukan pelbagai kajian berkenaan perkembangan tafsir di Malaysia, tafsir al-Quran serta ilmu Ulum al-Quran. Penulis dalam buku ini membincangkan berkenaan pengenalan ilmu Usul Tafsir. Antara perbahasan yang dijelaskan adalah pengenalan kepada Usul Tafsir, objektif, karya-karya utama dalam bidang ini, syarat serta adab mufassir. Sejarah pengajian tafsir turut dikupas dengan menjadikan beberapa aspek penting dalam memahami sejarah iaitu tafsir pada zaman Rasulullah SAW, tafsir zaman sahabat, tafsir zaman tabi'in, serta tafsir selepas zaman tabi'in.

Penulis seterusnya membawa metode tafsir al-Quran seperti metode *Tafsir bi al-Ma'thur*, *al-Ra'y*, *al-sufi*, *al-Fiqhi*. Kupasan turut diberikan terhadap aspek penting dalam ilmu tafsir al-Quran iaitu adab ikhtilaf dalam memahami al-Quran. Ia meliputi ikhtilaf dalam mazhab, faktor yang mendorong berlakunya ikhtilaf dalam mentafsirkan al-Quran, kesan-kesan ikhtilaf dalam mentafsirkan al-Quran serta kaedah menangani permasalahan tersebut. Perbahasan berkenaan pengertian Usul tafsir dalam kitab ini membawa perbahasan ulama. Kalimah Usul membawa makna kaedah, cabang, bukti dan lain-lain. Ianya adalah satu perkara yang tetap serta bersendirian. Tafsir pula membawa makna menerangkan dan menjelaskan sesuatu. Menurut Imam al-Zarkasyi, tafsir adalah ilmu yang menerangkan ilmu al-Quran serta hukum yang terdapat padanya. Manakala al-Jurjani pula menyatakan bahawa tafsir adalah menjelaskan makna al-Quran, keadaan, kisah serta sabab nuzulnya. Penulis membawa kesimpulan daripada makna tafsir yang telah dibahaskan oleh ulama dengan menyatakan terdapat perbezaan antara kalimah usul dan tafsir. Usul adalah kaedah yang digunakan oleh mufassir dalam mentafsirkan al-Quran, manakala tafsir adalah penjelasan atau keterangan berdasarkan kaedah tersebut. Ilmu ini penting bagi mengelakkan berlaku kesilapan dalam mentafsirkan al-Quran.

Objektif utama Usul Tafsir adalah mengetahui makna yang terdapat dalam ayat al-Quran, melakukan penyelidikan berkenaan makna tersebut, serta memahami hukum hakam. Ia bertujuan supaya dapat memahami hakikat yang terdapat dalam al-Quran untuk kegunaan kehidupan dunia dan akhirat. Dalam penghasilan karya pula, ia bermula pada kurun ke dua seiring dengan perkembangan ilmu dan penulisan tafsir al-Quran. Pada peringkat awal, tidak terdapat kajian yang menyeluruh serta perbincangan hanya tertumpu kepada aspek tertentu sahaja seperti oleh Qatadah al-sadusi bertajuk *Azbab Al-Nuzul*, *Gharib al-Quran* oleh Imam al-Sijistani, *Majaz al-Quran* oleh Abu 'Ubaydah Ma'mar bin Al-Mutnanah, *Ijaz al-Quran* oleh al-Rummani, *Irab al-Quran* oleh Abu Ja'afar al-Nuhhas, serta *Munasabat al-Quran* oleh Abu Ja'far Ahmad bin al-Zubair.

Terdapat syarat yang ditetapkan sebelum seseorang menjadi mufassir al-Quran bagi mengelakkan daripada melakukan kesalahan dalam mentafsir al-Quran iaitu mempunyai akidah yang benar, ia bagi mengelakkan mentafsirkan al-Quran mengikut mazhab yang menyeleweng. Antara lain adalah bersih daripada hawa nafsu kerana nafsu mendorong seseorang membela mazhabnya. Pengetahuan berkenaan hadis riwayah dan dirayah juga penting bagi membantu

mufassir mentafsirkan al-Quran. Pengetahuan yang luas dalam ilmu amat penting bagi seorang mufassir seperti ilmu qiraat, nahu, ulum al-Quran, Usuluddin, Usul Fiqh, sosiologi, antropologi, zoologi, sejarah, al-Quran, al-sunnah dan pelbagai ilmu yang berkaitan. Adab menjadi mufassir turut dijelaskan oleh penulis iaitu niat dan tujuan yang baik dalam penulisan tafsir. Ia bagi menjauhkan diri daripada tujuan dunia yang merosakkan manusia. Akhlak yang mulia juga antara adab seorang mufassir agar ilmu yang disampaikan memberi kesan kepada orang lain. Selain itu mufassir perlu mempunyai ‘sifat tawadu’, tegas dalam menyampaikan kebenaran serta mendahulukan orang lain melebihi diri sendiri.

Penulis dalam bab seterusnya membahaskan berkenaan sejarah pengajian tafsir al-Quran. Ia meliputi tafsir pada zaman Rasulullah SAW, pada zaman tersebut tidak terdapat masalah kerana Rasulullah SAW sendiri yang mentafsirkan al-Quran. Tidak terdapat pertikaian dalam pentafsiran ayat al-Quran kerana bersumberkan daripada wahyu Allah SWT. Bidang tafsir pada zaman ini tidak berkembang kerana hanya Rasulullah SAW mentafsirkan al-Quran, para sahabat hanya memberi perhatian untuk mengambil pengajaran ayat.

Perbahasan berkenaan adakah Rasulullah SAW menjelaskan keseluruhan ayat al-Quran atau tidak turut dibahaskan oleh penulis. Hujah yang dibawa dalam perbahasan meliputi pandangan Ibnu Taimiyah dan Imam al-Suyuti. Imam Ibnu Taimiyah dan ulama selairan dengannya membawa hujah bahawa Rasulullah SAW mentafsirkan keseluruhan ayat al-Quran berdasarkan Surah al-Nahl ayat 44 yang bermaksud ‘*Dan kami turunkan kepada kamu al-Quran, agar kamu menerangkan kepada umat manusia apa yang telah diturunkan kepada mereka semoga mereka dapat berfikir*’. Manakala hujah Imam al-Suyuti dan ulama sealiran dengannya pula adalah Rasulullah SAW tidak menjelaskan keseluruhan ayat al-Quran dengan membawa dalil daripada Saidina Aisyah ‘Rasulullah SAW tidak mentafsirkan al-Quran kecuali yang dinyatakan oleh Jibril’. Hadith ini adalah hadith munkar yang tidak dapat digunakan untuk berhujah.

Penulis dalam buku ini mengambil jalan penyelesaian dengan pandangan ulama seperti Dr. Samir Abdul Aziz Syaliwah bahawa Rasulullah SAW menjelaskan kebanyakan dari makna ayat-ayat al-Quran sebagaimana dapat dilihat dalam karya muktabar, Baginda SAW tidak menjelaskan kesemua makna al-Quran. Jika Rasulullah SAW telah mentafsirkan keseluruhan ayat al-Quran, maka tidak akan berlaku khilaf dalam kalangan sahabat ketika mentafsir ayat al-Quran. Sejarah tafsir seterusnya adalah tafsir pada zaman sahabat, mereka golongan yang layak mentafsirkan al-Quran memandangkan autoriti mereka bersama-sama dengan Rasulullah SAW. Jika mereka menyandarkan pentafsiran mereka kepada Rasulullah SAW maka ianya tidak dapat disangkal lagi, namun jika ianya mengemukakan pandangan peribadi masih ada ruang perbincangan, kemungkinan para sahabat memberi pandangan berdasarkan Asbab al-Nuzul. Ia masih perlu diterima kerana mereka zahirnya menerima penjelasan al-Quran daripada Rasulullah SAW atau menyaksikannya. Terdapat perbezaan kefahaman al-Quran dalam kalangan sahabat, ia berikutan keadaan peribadi para sahabat yang tidak sama, keupayaan bahasa dan sastera, pengetahuan Asbab al-Nuzul serta tempoh masa bersama dengan Rasulullah SAW adalah tidak sama.

Pentafsiran al-Quran pada zaman sahabat berlaku dalam keadaan al-Quran tidak ditafsirkan secara keseluruhan, hanya ayat yang sukar difahami ditafsirkan oleh sahabat. Perselisihan

memahami makna al-Quran adalah sedikit, para sahabat tidak fokus kepada tafsiran yang mendalam terhadap ayat al-Quran kerana mereka mempunyai akidah yang kuat. Para sahabat mentafsirkan pada makna bahasa secara ringkas, kesimpulan hukum tidak diberi keutamaan kerana tiada mazhab fiqh ketika itu. Pentafsiran pada masa ini merupakan salah satu cabang ilmu hadith kerana ianya berlaku pada kurun ke dua hijrah. Tokoh mufassir pada zaman sahabat terdiri daripada Ubay bin Ka'ab, 'Abd Allah bin Mas'ud, Ali bin Abi Talib, 'Abd Allah bin Abbas. Sejarah tafsir al-Quran terus berkembang pada zaman tabi'in dengan penubuhan madrasah tafsir. Ianya didorong oleh peluasan kuasa Islam. Antara madrasah ialah madrasah tafsir di Mekah yang diasaskan oleh Ibnu Abbas, Madrasah di Madinah diasaskan oleh Ubay bin Ka'ab, madrasah di Iraq yang diasaskan oleh 'Abd Allah bin Mas'ud.

Pentafsirkan al-Quran oleh tabi'in juga diterima dalam memahami tafsir al-Quran. Namun terdapat golongan yang menolak pentafsirkan tabi'in kerana mereka tidak pernah mendengar daripada Rasulullah SAW suatu periyawatan, tidak menyaksikan turun ayat, berkemungkinan berlaku kesilapan dalam memahami ayat al-Quran, tidak ada dalil membuktikan tabi'in adil sebagaimana sahabat serta tabi'in banyak mengambil sumber daripada ahli kitab. Perkembangan tafsir selepas zaman tabi'in ialah bermula pada zaman atba' tabi'in dengan disiplin ilmu tersendiri. Ia berkembang secara tidak langsung menerusi para ulama hadis yang merantau ke segenap pelusuk negeri untuk mengumpulkan hadith. Pelopor usaha ini ialah Yazid bin Harun al-Silmi, Sufian bin 'Uyainah serta beberapa ulama lain. Setelah beberapa ketika lahir tafsir dengan bentuk sendiri terpisah daripada ilmu hadith.

Penulis seterusnya menjelaskan berkenaan metode tafsir al-Quran, ia adalah kaedah yang perlu digunakan oleh ahli tafsir ketika mentafsirkan ayat al-Quran serta prosedur yang perlu dilalui untuk beri kefahaman yang tepat berkenaan ayat al-Quran. Pada zaman Rasulullah SAW al-Quran ditafsirkan dengan kaedah petunjuk wahyu dan ijihad atau ra'y. Metode al-Ra'y berkembang selari dengan dengan kemajuan kehidupan manusia yang mana persoalan kehidupan semakin banyak dan jawapan kepada persoalan tersebut tidak tersedia secara eksplisit dalam al-Quran. Metode tafsir berkembang dengan metode ijmal, metode seterusnya adalah metode tahlili apabila ramai non muslim beragama Islam dan pengaruh kehidupan masuk ke dalam masyarakat Islam. Metode pentafsiran kemudian berkembang dengan pesat dalam dua bentuk pentafsiran iaitu al-Mathur dan al-Ra'y dengan pelbagai corak seperti tafsir fiqhi, sufi, falsafi, ilmi dan lain-lain.

Penjelasan berkenaan manhaj tafsir diberikan dengan baik oleh penulis, ia memudahkan kefahaman terhadap perbahasan yang dilakukan. Penulis meneruskan perbahasan dengan metode tafsir bi al-Ma'thur yang bermaksud tafsir yang berpegang kepada riwayat yang sahiih iaitu mentafsirkan al-Quran dengan al-Quran, hadith, athar sahabat, pendangan kibar tabi'in. Walau bagaimanapun terdapat ulama yang tidak menerima pentafsirkan tabi'in dalam kategori tafsir ini. Perkembangan tafsir bi al-Ma'thur berkembang dengan dua kaedah iaitu secara lisan iaitu secara periyawatan melalui Rasulullah SAW, sahabat, tabi'in. Ia mengambil berat tentang jalur periyawatan. Kaedah seterusnya ialah melalui penulisan dan pembukuan (tadwin). Ianya lanjutan daripada kaedah periyawatan yang mana ia disalin dan dibukukan.

Terdapat syarat dalam tafsir bi al-Ma'thur iaitu mempunyai pengetahuan yang cukup berkenaan ilmu sunnah riwayah dan dirayah, mampu mengumpul dan merealisasikan riwayat yang bercanggah, mengetahui hakikat perselisihan tafsir, mengetahui Asbab al-Nuzul, Nasikh mansukh, mengambil pendapat yang sepakat sahaja dan tidak memetik pandangan yang gharib serta tidak bersandar kepada riwayat israiliyyat. Sumber tafsir bi al-Ma'thur ialah al-Quran, hadis, pandangan sahabat dan tabi'in. Pentafsiran al-Quran dengan al-Quran dilihat dari pelbagai sudut iaitu menjelaskan dengan lebih mendalam ayat-ayat yang ringkas, mentafsirkan dengan lebih jelas terhadap ayat yang berbentuk mujmal (umum), mengkhususkan ayat-ayat yang umum, mentafsir dengan menentukan ikatan terhadap sesuatu ayat mutlak, mentafsir melalui ayat nasakh, mentafsirkan dua perkara yang dilihat secara zahir kelihatan bertentangan antara satu sama lain, mentafsir melalui qiraat yang sahih.

Manakala pentafsiran melalui hadis pula dapat dilihat dalam beberapa bentuk iaitu hadis mentafsirkan secara umum dan menyeluruh terhadap ayat al-Quran yang padat dan ringkas, hadith yang menentukan ikatan terhadap sesuatu ayat yang mutlak, hadith yang menjelaskan dengan mengkhususkan sesuatu ayat yang umum, hadith yang menjelaskan kemosyikilan yang terdapat pada ayat al-Quran, hadith yang menguatkan kedudukan sesuatu hukum yang terdapat pada ayat al-Quran dan hadith yang menjelaskan dengan lebih luas perkara yang dikemukakan secara umum oleh al-Quran. Manakala pentafsiran al-Quran juga berlaku dengan ijтиhad sahabat kerana mereka mengetahui pentafsiran al-Quran daripada Rasulullah SAW. Malah mereka menyaksikan penurunan wahyu. Terdapat kriteria athar sahabat yang patut diterima dan dijadikan pegangan dalam tafsir al-Quran iaitu sanad yang baik, perawi yang adil, riwayat tidak bertentangan dengan hadith yang sahih, tidak bertentangan dengan agama serta al-Quran.

Sumber lain pentafsiran al-Quran ialah tafsir al-Quran dengan pandangan tabi'in, namun ulama berselisih pandangan berkenaan hal tersebut. Pendapat yang menyatakan pandangan tersebut boleh diterima kerana kebiasaannya pengetahuan dan tafsiran daripada sahabat. Manakala terdapat pandangan yang menyatakan pentafsirkan tabi'in termasuk dalam kelompok tafsir bi al-Ra'y. Ia kerana kedudukan mereka sama seperti ulama lain yang mentafsirkan al-Quran dengan kaedah Bahasa Arab dan ia tidak memungkinkan mereka mengikuti proses pentafsiran secara ma'thur. Penulis membawa lima buah kitab dalam menjelaskan berkenaan Tafsir bi al-Mathur iaitu kitab *Jami' al-Bayan Fi Tafsir al-Quran* oleh Imam Ibnu Jarir al-Tabari, *al-Muharrar al-Wajiz Fi Tafsir al-Kitab al-Aziz* oleh Ibnu 'Atiyyah, Ma'alim al-Tanzil oleh al-Baghawi, *Tafsir al-Quran al-'Azim* oleh Ibnu Kathir dan *Al-Dur al-Manthur Fi al-Tafsir bi al-Mathur* oleh al-Suyuti. Penjelasan berkenaan tafsir ini meliputi metodologi pentafsiran al-Quran oleh mufassir tersebut, hasil karya, kedudukan tafsir dengan kelebihan dan kelemahan.

Penulis turut membawakan perbahasan berkenaan metode Tafsir bi al-Ra'y iaitu tafsiran yang dikemukakan oleh seseorang mufassir berpandukan ijтиhadnya serta mempunyai kemahiran Bahasa Arab. Terdapat pandangan yang menyatakan bahawa ia merujuk kepada tafsiran yang dikemukakan oleh seorang mufassir bagi menerangkan makna ayat al-Quran berdasarkan kefahamannya yang tertentu dan mengambil pelajaran daripada pendapatnya semata-mata. Elemen ijтиhad merupakan aspek penting dalam tafsir ini. Tokoh terawal yang menggunakan kaedah ini ialah Ibn Jarir al-Tabari, namun beliau hanya menggunakan metode ini untuk memilih sumber maklumat, memilih dan mengesahkan riwayat yang sahih atau menolak riwayat yang

munkar. Tafsir bi al-Ra'y terbahagi kepada dua bahagian iaitu Tafsir bi al-Ra'y al-Mazmum (tafsir yang tercela) dan Tafsir bi al-Ra'y al-Mahmud (tafsir yang terpuji). Kemunculan firaq islamiah seperti khawarij, syiah, muktazilah turut memberi kesan kepada perkembangan ilmu tafsir al-Quran. Sumber dalam pentafsiran Tafsir bi al-Ra'y ialah al-Quran, hadis, riwayat sahih daripada sahabat dan tabi'in, ilmu bahasa dan ilmu-ilmu berkaitan al-Quran. Terdapat hujah perbahasan dalam kalangan ulama berkenaan kedudukan tafsir bi al-Ra'y sama ada dibenarkan atau sebaliknya.

Antara karya tafsir bi al-Ra'y yang dibincangkan oleh penulis adalah tafsir al-Kasysyaf oleh al-Zamakhsyari, Tafsir al-Kabir oleh Farkhruddin al-Razi, Tafsir al-Muhit oleh Abu Hayyan, Irsyad al-'Aql al-Salim Ila Mazaya al-Quran al-Karim oleh Abu al-Sa'ud, Ruh al-Ma'ani fi tafsir al-Quran al-'Azim wa al-Sab'u al-Mathani oleh al-Alusi dan Anwar al-Tanzil wa asrar al-Ta'wil oleh Al-Baidawi. Perbahasan adalah meliputi metodologi pentafsiran yang digunakan oleh mufassir tersebut dalam mentafsirkan al-Quran. Penulis turut membawa perbincangan berkenaan manhaj tafsir sufi atau isyari. Ia bermakna maktawilan ayat-ayat al-Quran dengan tidak berpandukan kepada kenyataan-kenyataan zahir ayat disebabkan terdapat tanda-tanda tersembunyi yang hanya diketahui oleh ahli tasawuf dan pentakwilan ini mempunyai titik pertemuan dengan maksud zahir ayat. Terdapat syarat yang diperlukan dalam penerimaan tafsir sufi iaitu pentafsiran sufi tidak bertentangan dengan kenyataan nazm al-Quran atau makna zahirnya, tidak bertentangan dengan syariat atau akal, pentafsiran perlu disokong oleh bukti syarak yang benar dan pentafsiran tidak terlalu asing.

Penulis membawa beberapa karya sufi antaranya seperti Al-Futuhat al-Makiyyah oleh Ibn 'Arabi, Ta'wilat al-Quran oleh al-Qasyani dan Tafsir al-Quran al-Azim oleh al-Tustari. Manhaj tafsir seterusnya adalah tafsir fiqhi atau tafsir hukum. Ia merupakan salah satu kaedah tafsir al-Quran. Kaedah tafsir ini lebih dikenali setelah lahir imam-imam mazhab. Manhaj tafsir ini juga dikenali dengan tafsir fuqaha' atau tafsir ayat ahkam. Terdapat mazhab fiqh dalam pentafsiran al-Quran iaitu mazhab Hanafi antaranya kitab Ahkam al-Quran Fi Alf Waraqah oleh Ja'far Ahmad bin Muhammad bin Salamah bin al-Azdi al-Tahawi al-Hanafi, Abu 'Abd Allah Muhammad bin Sahnun al-Qairuwani dengan karyanya Ahkam al-Quran. Manakala mazhab Syafi'i lahir tokoh tafsir seperti Abu Bakr Ahmad bin al-Husayn al-Bayhaqi yang menulis kitab Ahkam al-Quran, Abu al-Hasan al-Tabari menulis kitab Ahkam al-Quran. Tokoh tafsir dalam mazhab Hanbali pula ialah Abu Ya'la Muhammad bin Al-Husain dengan karyanya Ahkam al-Quran serta beberapa orang tokoh lagi yang turut dinyatakan oleh penulis.

Terdapat beberapa metode utama yang dinyatakan oleh penulis berkenaan metode tafsir fiqhi iaitu merujuk pandangan fuqaha dalam pentafsiran al-Quran, membincangkan persoalan khilafiah serta menggunakan kaedah Usul al-Fiqh. Antara karya tafsir manhaj fiqh yang disusun oleh mufassir ialah Ahkam al-Quran oleh al-Jassas, Ahkam al-Quran oleh Imam al-Syafi'i, Ahkam al-Quran oleh Ibnu Al-'Arabi dan al-Jami' Li Ahkam al-Quran oleh al-Qurtubi. Penulis pada bab yang terakhir dalam buku ini membincangkan berkenaan adab ikhtilaf dalam memahami al-Quran. Ikhtilaf membawa makna percanggahan pandangan antara satu sama lain. Ikhtilaf telah berlaku sejak zaman Rasulullah SAW, namun pada masa tersebut ianya diselesaikan dengan bertanya kepada Baginda SAW. Antaranya peristiwa yang pernah berlaku adalah berkenaan tawanan dalam perang badar sama ada mereka itu dibunuhan atau diwajibkan

membayar fidyah. Abu Bakar menyatakan bahawa menerima tebusan dengan hujah ia boleh menambah kekuatan umat Islam. Manakala Umar al-Khattab menyatakan mereka harus dibunuh. Isu tersebut dibawa kepada Rasulullah SAW dan Rasulullah SAW menerima pandangan Abu Bakar. Namun Umar tidak dipaksa menerima pandangan Abu Bakar dan sebaliknya. Manakala ikhtilaf dalam pentafsiran al-Quran adalah berpunca daripada penggunaan sumber al-riwayat dalam tafsir bi al-Ma'thur iaitu israiliyyat, hadis mursal, hadis ahad dan maudhu'. Dalam mendepani ikhtilaf disarankan supaya meneliti dan memahami semua pendapat agar dapat menilai kebenaran, menegaskan pendapat yang benar dan salah serta tidak membiarkan ikhtilaf tanpa komentar dan penilaian serta menyebut manfaat dan faedah ikhtilaf agar tidak berpanjangan.

Penelitian terhadap buku ini mendapati buku ini amat bagus dan perlu dimiliki khususnya oleh pelajar dan ahli akademik dalam bidang pengajian Islam. Ia berikutnya penulis mengemukakan hujah perbahasan bersandarkan kepada pandangan yang autoriti, membawa pandangan-pandangan ulama supaya pembaca dapat menilai setiap sudut pandangan yang pelbagai. Ia menjadikan pembaca mempunyai gambaran yang menyeluruh dalam isu-isu yang dibahaskan. Selain itu paparan data yang dibawa dapat memberi input yang penting kepada pembaca. Susun atur penulisan yang sistematik memudahkan pembacaan dan menjadikan buku ini menarik. Kupasan berkenaan kitab tafsir amat baik serta sesuai dijadikan buku silibus pengajian bagi institusi pengajian tinggi awam atau swasta dalam memahami kaedah pentafsiran al-Quran. Buku ini wajar dimiliki oleh semua pencinta ilmu al-Quran atau individu yang baru ingin mendalami bidang ini.

Nurzatil Ismah Binti Azizan

Pensyarah

Jabatan al-Quran dan al-Sunnah

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)